

23 NOV 1999

Ghani-Tolak

RAKYAT PERLU TOLAK PEMBANGKANG, KATA ABDUL GHANI

KOTA TINGGI, 23 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata rakyat perlu menolak pembangkang kerana mereka tidak mempunyai agenda pembangunan ekonomi yang jelas di samping menganggotai pakatan kerjasama yang kurang meyakinkan.

Sebaliknya, kata beliau, Barisan Nasional (BN) yang mempunyai rekod cemerlang mentadbirkan negara sering mengamalkan pendekatan menerusi perundingan dan perbincangan bagi mencari penyelesaian dalam menangani kepentingan rakyat pelbagai kaum.

Amalan itu telah menjadi tradisi tampuk pemerintahan kerajaan sejak pimpinan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra hingga ke zaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di kawasan Dewan Undangan Negeri Tenggara di sini, semalam.

Abdul Ghani, yang juga Pengerusi BN Johor, berkata tradisi itu perlu dipertahankan oleh rakyat kerana BN terbukti dapat mentadbirkan negara dengan baik malah mampu mengeluarkan negara daripada kegawatan ekonomi.

Oleh itu, katanya, rakyat yang cuba memilih parti pembangkang hanya akan mengundang perpecahan di kalangan rakyat.

Katanya, pakatan pembangkang itu tidak akan kekal lama kerana mereka akan berpecah-belah selepas tamat pilihan raya disebabkan parti-parti pembangkang itu mempunyai idealogi yang berlainan.

Beliau memberi contoh parti Keadilan yang diwujudkan ekoran daripada demonstrasi jalanan.

"Tradisi ini bukan cara rakyat Malaysia untuk menyuarakan pandangan dan pendapat, sebaliknya kerajaan BN yang mementingkan perpaduan, kedamaian dan keharmonian lebih suka menyelesaikan segala masalah menerusi perundingan," katanya.

-- BERNAMA

ZA NMO